

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

## **HSM 215 – Pensejarahan Malaysia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. 'Euro-centric' dan 'Malaysia-centric' merupakan isu pensejarahan Malaysia yang agak berterusan. Bincangkan isu-isu tersebut dan sarankan cara-cara penyelesaian.
2. Zainal Abidin bin Abdul Wahid menganggap *Sejarah Melayu* sebagai karya yang amat penting dan menyumbang besar kepada pensejarahan Malaysia. Sejauhmanakah anda bersependapat dengan pandangan beliau.
3. Munshi Abdullah bin Abdul Kadir dikatakan telah memperkenalkan pembaharuan dalam penulisan sejarah Malaysia. Dengan merujuk kepada karya-karya tertentu, bezakan hasil pena beliau dengan hasil penulisan tradisional Melayu yang lain.
4. Berdasarkan kepada karya Isabella Bird (*The Golden Chersonese and the Way Thither*, 1883) dan buku Margaret Brooke (*My Life in Sarawak*, 1913), nilaikan sumbangan pengarang Barat berjenis pengembara dan penduduk sementara kepada pensejarahan Malaysia.
5. Buku-buku yang bercorak sejarah yang dikarang oleh pegawai pentadbir penjajah di Tanah Melayu, Sarawak mahupun Borneo Utara (Sabah) mempunyai matlamat tertentu. Berpandu kepada karya-karya spesifik, huraikan tujuan hasil penulisan tersebut dan sebab-musabab bertujuan sedemikian.

6. Steven Runciman dan Robert Pringle yang merupakan sejarawan professional berbangsa Barat telah menghasilkan buku masing-masing tentang sejarah Sarawak. Sejauhmanakah karya-karya mereka mempamerkan keobjektifan.
7. Nilaikan sumbangan Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* (1972) dan Lim Teck Ghee, *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941* (1977) kepada pensejarahan Malaysia.

-- oo000oo --